



PERBADANAN LABUAN
PETI SURAT 81245
87022 W.P. LABUAN

NO. SEBUT HARGA : PL/(S)20/2024(JPK)
TARIKH : 5 Februari 2024

KENYATAAN SEBUT HARGA

Sebut harga adalah dipelawa untuk kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan **Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)** dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** dalam gred, kategori, pengkhususan dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan masih dibenarkan membuat tawaran bagi perolehan berikut:

Tajuk Perolehan	Gred, Kategori dan Pengkhususan kelas	Taklimat dan Lawatan Tapak	Tarikh dan Lokasi Penjualan / Harga Dokumen	Tarikh, Waktu Tutup Tawaran & Tempat Penghantaran Dokumen
PEROLEHAN KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH JALAN ASPAL SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI KAWASAN GUDANG SAGUKING (FASA 2), WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN	Berdaftar dengan PPK dan SPKK Gred: G2 Kategori: CE Pengkhususan: CE01 dan CE21	<u>TAKLIMAT (WAJIB)</u> 14.2.2024 (9:30 pagi) Taklimat akan diadakan di Jabatan Pembangunan dan Kejuruteraan, Tingkat 7, Menara Perbadanan Labuan <u>LAWATAN TAPAK</u> Tiada	<u>TARIKH & LOKASI PENJUALAN</u> 15.2.2024 sehingga 26.2.2024 (semasa waktu pejabat) Kaunter Bayaran, Tingkat Bawah, Blok B, Wisma Perbadanan Labuan <u>HARGA DOKUMEN</u> RM 20.00 (tidak dikembalikan)	27.2.2024 (8.00 pagi - 12.00 t/hari) Peti Sebut Harga No. 1 Tingkat 2, Blok A, Wisma Perbadanan Labuan

Kontraktor dikehendaki mengemukakan Sijil Pendaftaran yang sah tempoh **BERSERTA SATU SALINAN** sijil dari **PPK** dan **SPKK** sebelum dibenarkan mengambil dokumen sebut harga.

(Tempoh Sah Sijil-Sijil Hendaklah Tidak Kurang 90 Hari Dari Tarikh Tutup Iklan Sebutharga)
(Surat Kebenaran Khas Daripada CIDB Adalah Tidak Dibenarkan)

Hanya penama di dalam Perakuan Pendaftaran sahaja yang boleh menghadiri taklimat / lawatan tapak sebut harga. Kontraktor / Syarikat juga tidak dibenarkan mewakili pegawai lain selain daripada penama dalam sijil. Oleh itu, syarikat perlu membawa bersama sijil dan pengenalan diri semasa menghadiri taklimat / lawatan tapak.

Perbadanan Labuan tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau sebarang sebut harga. Semua perbelanjaan bersabit dengan sebut harga ini adalah tanggungjawab kontraktor sendiri. Dokumen sebut harga yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan dan sebarang rayuan tidak akan dilayan. Perbadanan Labuan tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kelewatan atau kehilangan dokumen sebut harga yang dihantar melalui pos.

Iklan di atas juga boleh di akses dengan melayari laman web rasmi Perbadanan Labuan di alamat www.pl.gov.my.